

# Malaysia kutuk serangan kejam Zionis korbankan petugas MAPIM

## Kerajaan keluar bantahan keras tindakan zalim Israel di Palestin

Oleh Siti Aminah Mohd Yusof  
bhnews@bh.com.my

**Georgetown:** Malaysia mengutuk keras serangan udara rejim Israel sehingga menyebabkan lapan petugas kemanusiaan Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) terbunuh di utara Gaza.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata Malaysia secara rasmi mengeluarkan

bantahan keras secara berterusan terhadap perbuatan zalim dan ganas Zionis di bumi Palestin.

"Kita mengutuk keras pembunuhan dan kezaliman ke atas sukarelawan MAPIM yang bertugas untuk (misi) kemanusiaan seperti membantu pesakit dan sebagainya.

"Kerajaan secara rasmi mengeluarkan bantahan keras terhadap keganasan berterusan," katanya ringkas kepada pemberita semalam.

Kelmarin, Ketua Pegawai Eksekutif MAPIM, Datuk Dr Sani Araby Abdul Alim Araby mengesahkan lapan petugas warga Palestin itu syahid dalam serangan yang berlaku 1.30 tengah hari (waktu tempatan) di Beit Lahiya, utara Gaza, Sabtu lalu.

Serangan udara itu berlaku ketika petugas berkenaan mendirikan khemah untuk menempatkan keluarga yang kehilangan tempat tinggal akibat serangan berterusan rejim Zionis.

Mereka yang terkorban ialah Mahmoud Yahya Al-Sarraj, Bilal Hossam Oqeila, Mahmoud Samir Oselim, Mahmoud Khaled Oselim, Mohammed Al-Ghafeer, Hazem Ghareeb, Bilal Abu Matar dan Ahmad Hamad.

### Rakam ucapan takziah

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi merakamkan ucapan takziah atas pemergian lapan petugas itu dan mengutuk keras serangan Zionis itu.

Beliau yang berdukacita de-

ngan insiden kejam itu menyifatkan pemergian mereka sebagai satu kehilangan besar bukan sahaja kepada MAPIM, tetapi kepada seluruh umat yang memperjuangkan keadilan dan kemanusiaan.

"Mereka ialah wira kemanusiaan yang berjuang tanpa mengenal lelah demi membantu saudara-saudara kita yang tertindas.

"Saya mengutuk sekeras-kerasnya serangan tidak berperikemanusiaan ini dan menyeru masyarakat antarabangsa untuk tidak berdiam diri terhadap kekejaman yang berterusan di bumi Gaza," katanya menerusi hantaran di Facebook.

Ahmad Zahid turut mengajak umat Islam dan rakyat Malaysia berdoa, bersolidariti dan menyoy-

kong perjuangan rakyat Palestin dalam apa jua cara yang termampu, lapor BERNAMA.

Setiausaha Agung PAS, Datuk Seri Takiyuddin Hassan, berkata parti itu mengutuk keras serangan Zionis itu dan percaya ia bertentangan dengan undang-undang antarabangsa dan Konvensyen Geneva yang memberi perlindungan kepada orang awam di zon konflik.

"PAS turut menggesa kerajaan, terutama Wisma Putra, supaya meningkatkan usaha dan mengambil semua langkah perlu bagi melindungi keselamatan sukarelawan kemanusiaan serta hak rakyat Palestin daripada serangan dan pencerobohan berterusan rejim Israel yang disokong oleh Amerika Syarikat," katanya.